

DBKL tutup restoran kotor sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur



Anggota penguat kuasa DBKL memeriksa premis yang meletakkan barang jualan di siar kaki.

KUALA LUMPUR - Restoran yang tidak menjaga kebersihan di sekitar kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pusat Bandar Utara di sini diambil tindakan penguatkuasaan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

DBKL memaklumkan, tindakan khas dijalankan itu turut memberi tumpuan terhadap barangan perniagaan yang diletakkan di tempat awam.

Menurutnya, sebanyak 12 premis telah dikenakan pindah halangan melibatkan barang perniagaan yang diletakkan di tempat awam.

“Selain itu, penutupan serta -merta telah dikenakan terhadap premis makanan yang tidak

menjaga kebersihan.

“Tindakan diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan UUK Pelesenan Penempatan Makanan (WPKL) 2016,” katanya menerusi Facebook pada Jumaat.

Jelasnya, barangan yang disita kemudiannya dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

Sementara itu di **KLANG**, tiga premis perniagaan dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen dalam satu operasi pihak berkuasa tempatan di Jalan Perusahaan 24 dan Solok Pandamar Indah 1 di sini.

Majlis Bandaraya Diraja

Klang (MBDK) menjelaskan, sebanyak empat premis telah diperiksa menjalankan aktiviti kafeteria, menjual kosmetik, menjahit dan menjual pakaian serta farmasi.

Bagaimanapun katanya, hanya satu premis yang mempunyai lesen perniagaan 2024.

Susulan itu jelasnya, satu kompaun dikeluarkan di bawah UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisyment Makanan (Majlis Perbandaran Klang) 2007.

“Selain itu sitaan dan amaran lisan dikeluarkan di bawah UUK 3 Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) 2007,” katanya.